

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2012




KERAJAAN MALAYSIA



TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

2012



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2012

TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

21 Jun, 2012

Diedarkan kepada :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
(PENTADBIRAN AM)
BLOK B8
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03 8872 1957 Faks : 03 8888 3904
Laman Web : <http://www.pajpm.gov.my>
Email : pentadbiranam@pajpm.gov.my

Pentadbiran Am, JPM
Menerima Anugerah
Persijilan MS ISO 9001 : 2008
Pada 10 Jun 2009



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. : AR4907

Rujukan Kami : Fail JPM.100 – 2/2(4)

Tarikh : 21 Jun, 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2012

TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

1. TUJUAN

- i. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan yang merupakan kesinambungan daripada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 : Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan (MPAM).
- ii. TPATA telah disediakan bersama-sama dengan pekeling ini sebagai rujukan dan panduan kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi di dalam menguruskan aset tak alih masing-masing.

2. LATAR BELAKANG

- i. Pengurusan aset tak alih wajar diberi keutamaan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerana ia merupakan aspek penting bagi menyediakan ruang/ tempat kerja yang sesuai dan mencukupi supaya Kementerian/ Jabatan/ Agensi dapat memberi penyampaian perkhidmatan yang berkesan mengikut fungsi masing-masing.
- ii. Bagi maksud Pekeliling ini, aset tak alih bermaksud aset yang kekal dan tidak boleh dialih dari tempatnya iaitu tanah, infrastruktur dan bangunan. Bagi mengelakkan keraguan:
 - (a) maksud aset tak alih secara terperinci adalah aset yang secara kekal/ tetap atau bersifat kekal/ tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan atau usaha untuk buka semula/ penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk aset tak alih warisan.
 - (b) aset tak alih warisan bermaksud mana-mana tapak atau tapak warisan sepertimana yang ditafsirkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] dan tatacara pengurusannya adalah tertakluk kepada peruntukan Akta yang sama.
 - (c) tatacara pelaksanaan pengurusan aset tak alih ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan pekeliling yang berkaitan.

- iii. Skop penggunaan dokumen TPATA adalah meliputi keseluruhan aset tak alih kerajaan.
- iv. Konsep dan prinsip pengurusan aset telah diperjelaskan dalam DPAK dan MPAM. Walau bagaimanapun, tatacara yang lebih terperinci masih diperlukan untuk memudahkan pelaksanaan setiap aktiviti mengikut kitaran hayat aset.
- v. Objektif utama tatacara dalam pekeliling ini adalah:
 - (a) menyediakan maklumat aset yang lengkap bagi tujuan perancangan pembangunan dan kawalan penggunaan aset tak alih (ruang, tenaga, sumber, kos, dan sebagainya) serta status pelupusan sama ada dilupus atau dikekalkan sebagai aset tak alih warisan.
 - (b) memastikan pengurusan operasi dan penyenggaraan yang berkesan untuk meningkatkan jangka hayat aset serta pulangan pelaburan yang tinggi kepada kerajaan;
 - (c) menyediakan bajet pengurusan aset tak alih yang lebih tepat dan strategik; dan
 - (d) memastikan pengukuran prestasi dan penarafan secara sistematik bagi mengoptimumkan nilai aset dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan.

3. TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN (TPATA)

- i. Pada dasarnya, TPATA menjelaskan kaedah mengurus aset tak alih di keseluruhan fasa kitaran hayat aset bermula dari perancangan sehingga pelupusan aset. Walau bagaimanapun, pada masa ini fokus tatacara ini tertumpu kepada fasa penggunaan dan pelupusan aset sahaja, manakala TPATA bagi fasa perancangan dan pewujudan akan menyusuli kemudian.
- ii. TPATA yang terkandung dalam pekeliling ini adalah bermaksud pengurusan aset tak alih yang meliputi:-
 - (a) Bab A – Pendahuluan;
 - (b) Bab B – Perancangan Strategi Pengurusan Aset;
 - (c) Bab C – Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
 - (d) Bab D – Operasi dan Penyenggaraan Aset;
 - (e) Bab E – Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset;
 - (f) Bab F – Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset;
 - (g) Bab G – Pelupusan Aset; dan
 - (h) Bab H –Kehilangan dan Hapus Kira Aset.

4. STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

- i. Struktur tadbir urus pelaksanaan pengurusan aset tak alih Kerajaan adalah terdiri daripada:
 - (a) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)
 - (b) Urusetia JPAK
 - (c) Pegawai Pengawal

- (d) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
 - (e) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
(Fasiliti)
 - (f) Unit Pengurusan Fasiliti (UPF)
- ii. Setiap peringkat mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri sebagaimana penjelasan seterusnya.

4.1 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK)

- i. JPAK merupakan jawatankuasa di peringkat tertinggi yang akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset. JPAK akan melaporkan kemajuan pelaksanaan dan penambahbaikan pengurusan aset Kerajaan kepada Jawatankuasa Keutuhan.
- ii. Keanggotaan JPAK adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Ketua Setiausaha Negara
Setiausaha	: Ketua Sektor Kejuruteraan Senggara JKR
Ahli	: Ketua Setiausaha Perbendaharaan
	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
	Ketua Audit Negara
	Akauntan Negara
	Ketua Pengarah MAMPU
	Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
	Ketua Pengarah Jabatan Penilaian Harta
	Ketua Pengarah Kerja Raya

Komposisi keahlian akan disemak dari masa ke semasa atas persetujuan Y. Bhg. Pengerusi.

- iii. Fungsi JPAK adalah seperti berikut:
 - (a) Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan pengurusan aset Kerajaan;
 - (b) Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan dasar pengurusan aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia;
 - (c) Menyelaras pelaksanaan dasar pengurusan aset Kerajaan di antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat Persekutuan; dan
 - (d) Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan pengurusan aset Kerajaan.
- iv. JKR adalah selaku Urus Setia JPAK.

4.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB URUS SETIA JPAK

- i. Menyelaras agenda, menyediakan minit dan semua tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan JPAK.
- ii. Bertindak sebagai badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan TPATA.
- iii. Melaporkan hasil pemantauan pengurusan aset tak alih kepada Pejabat Pengerusi JPAK (Ketua Setiausaha Negara).

4.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- i. Bagi tujuan pekeliling ini, Pegawai Pengawal bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah Jabatan atau Ketua Agensi yang telah dilantik menurut peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].
- ii. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pengurusan aset tak alih kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:-
 - (a) mewujudkan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan organisasi di bawahnya;
 - (b) melantik:-
 - (1) Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF) dan pegawai-pegawai yang berkaitan di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi menguruskan aset tak alih mengikut syarat dan kelayakan yang bersesuaian;
 - (2) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi menyelaras semua aktiviti mengikut kitaran hayat aset tak alih;
 - (3) Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan yang terdiri daripada wakil Jabatan Teknikal, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (di mana

perlu), Jabatan Warisan Negara (di mana perlu), lain-lain agensi dan individu yang mempunyai kepakaran berkaitan untuk tempoh 2 tahun;

- (4) Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan / Hapus Kira) yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran berkaitan; dan
- (5) Ketua Audit Dalaman mengikut keperluan dalam TPATA;

(c) melulus:-

- (1) polisi dan kaedah pelaksanaan pengurusan aset tak alih di bawah kawalan Kementerian/ Jabatan/ Agensi;
- (2) pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;
- (3) program dan bajet tahunan pengurusan aset tak alih;
- (4) keperluan sumber pejabat UPF (staf, latihan, ruang pejabat, peralatan kerja, dan lain-lain);
- (5) tindakan bagi pemulihan atau ubah suai atau naik taraf atau pelupusan aset tak alih;
- (6) agihan peruntukan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih; dan

- (7) program audit dalaman pengurusan aset tak alih;
- (d) memantau dan melaporkan:-
 - (1) pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;
 - (2) output program setiap fasa aset mengikut prosedur yang ditetapkan;
 - (3) kemajuan perbelanjaan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih;
 - (4) program latihan kompetensi dan audit dalaman pengurusan aset tak alih; dan
 - (5) melaporkan aktiviti mengikut tatacara yang ditetapkan setiap sukuan tahun dan tahunan;
- (e) mempengerusikan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi aset tak alih; dan
- (f) memastikan semua aset tak alih diuruskan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

4.4 MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) BAGI ASET TAK ALIH DI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI

- i. Keanggotaan MKSP bagi aset tak alih di Kementerian/ Jabatan/ Agensi adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Pegawai Pengawal
Setiausaha	:	PTF Kementerian/ Jabatan/ Agensi
Ahli	:	Semua Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Peringkat Kementerian) Semua Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Peringkat Ibu Pejabat) Ketua Jabatan/ Agensi/ Bahagian/ Unit PTF (selain urus setia)

ii. Agenda MKSP bagi aset tak alih adalah seperti berikut :

- (a) Laporan Pencapaian Pelan Strategi Pengurusan Aset (PSPA);
- (b) Analisis Perubahan Dasar dan Arahkan Kerajaan;
- (c) Analisis Laporan Audit Dalaman dan Audit Luaran;
- (d) Analisis Maklumbalas Pengguna;
- (e) Analisis Penyenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;
- (f) Analisis Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;
- (g) Cadangan Penambahbaikan dan Inovasi;
- (h) Kajian semula PSPA (bila mana perlu atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali); dan
- (i) Hal-hal Lain.

iii. MKSP bagi aset tak alih hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

iv. Hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Urus Setia JPAK sebelum atau pada 15 Mac pada setiap tahun.

4.5 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK)(FASILITI) DI KEMENTERIAN/ JABATAN / AGENSI

- i. JKPAK (Fasiliti) merupakan jawatankuasa di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang ditubuhkan bagi mengurus aset tak alih mengikut keputusan/ arahan JPAK dan tugas-tugas khusus sebagaimana ditetapkan.
- ii. Keanggotaan JKPAK (Fasiliti) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi adalah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan (Peringkat Kementerian)
Timbalan Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Agensi (Peringkat Ibu Pejabat)
Pengarah (Jabatan Persekutuan/ Agensi di peringkat Negeri)

Setiausaha : PTF Kementerian/ Jabatan/ Agensi

Ahli : Semua Ketua Bahagian/ Unit
Ketua Audit Dalam atau wakilnya
PTF (selain urus setia) kecuali PTF Peringkat Daerah

- iii. Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) adalah seperti berikut:-

- (a) Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
- (b) Laporan Penyenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;
- (c) Laporan Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;
- (d) Laporan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset Tak Alih;
- (e) Laporan Pelupusan Aset;
- (f) Laporan Kehilangan dan Hapus Kira;
- (g) Laporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih; dan

- (h) Masalah / isu yang berkaitan dengan pengurusan aset tak alih.
- iv. Bidang tugas JKPAK (Fasiliti) adalah merancang, memantau, mengawasi, menyelaraskan dan menganalisis semua aspek pengurusan aset tak alih supaya mematuhi TPATA dan memenuhi objektif kementerian serta agensi-agensi di bawahnya.
- v. Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Pengawal /Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dan Urus Setia JPAK.

4.6 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF)

- i. UPF berperanan membantu Pegawai Pengawal dalam melaksanakan semua tanggungjawab pengurusan aset tak alih di Kementerian/ Jabatan/ Agensi antara lain adalah seperti berikut :
 - (a) mengurus semua aset tak alih kerajaan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah kawalannya meliputi :
 - (1) Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
 - (2) Operasi dan Penyenggaraan Aset;
 - (3) Penilaian Keadaan / Prestasi Aset;
 - (4) Pemulihan / Ubah Suai/ Naik Taraf Aset;
 - (5) Pelupusan Aset; dan
 - (6) Kehilangan dan Hapus Kira.

- (b) mengurus pelantikan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan, Ahli Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan/ Hapus Kira), Panel Penilai Teknikal dan Pihak Pelaksana (sekiranya aktiviti dilaksanakan secara luaran);
- (c) memantau, mengawal dan menilai pencapaian pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;
- (d) mengurus permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) bagi Pengurusan Aset Tak Alih kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan mengikut pekeliling Perbendaharaan berkaitan;
- (e) mengurus keperluan sumber, latihan kompetensi, audit dalaman dan rekod-rekod yang berkaitan dengan pengurusan aset tak alih;
- (f) mengendali mesyuarat penyelarasan pengurusan aset tak alih; dan
- (g) mengurusetia Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) dan Mesyuarat Kajian Semula di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

5. PELAKSANAAN TPATA

- i. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah kawalannya menguruskan aset tak alih mengikut Pekeliling ini melainkan jika terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

- ii. Pegawai Pengawal berkewajipan melaporkan aktiviti pengurusan aset tak alih kepada Urus Setia JPAK (Jabatan Kerja Raya) mengikut tatacara yang ditetapkan.
- iii. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan audit dalaman dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun mengikut tatacara yang ditetapkan bagi memastikan pematuhan terhadap TPATA dan keberkesanan pencapaian objektif pengurusan aset tak alih Kerajaan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing.

6. PEMAKAIAN

- i. Pekeliling ini terpakai kepada semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan.
- ii. Pekeliling ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan dan pengubahsuaian sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA



KANDUNGAN

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Kandungan	iii
Senarai Rajah	ix
Penghargaan	x
Singkatan	xii

BAB A – PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	3
2.0	Konsep Pengurusan Aset Tak Alih	5
3.0	Kerangka Strategik Pengurusan Aset Tak Alih	6
4.0	Proses Kerja Pengurusan Aset Tak Alih	7
5.0	Struktur Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih	9
6.0	Kompetensi Pengurusan Aset Tak Alih	15
7.0	Am	16

BAB B – PERANCANGAN STRATEGI PENGURUSAN ASET**B1 : PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (OPERASI)**

1.0	Objektif	19
2.0	Definisi	19
3.0	Skop	20
4.0	Pelaporan Tadbir Urus	20
5.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantuan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)	22
6.0	Lampiran	
	JKR.PATA-1 Format Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)	23
	JKR.PATA-2A Format Pelan Pengurusan Aset (PPA) (Operasi) Perancangan	32
	JKR.PATA-2B Format Ringkasan Maklumat Pelan Pengurusan Aset (PPA) (Operasi) Perancangan	33
	JKR.PATA-2C Format Pelan Pengurusan Aset (PPA) (Operasi) Tahunan	34
	JKR.PATA-2D Format Ringkasan Maklumat Pelan Pengurusan Aset (PPA) (Operasi) Tahunan	35
	JKR.PATA-3A Laporan Kesediaan Sumber Pengurusan Aset Tak Alih	36
	JKR.PATA-3B Laporan Kemajuan Aktiviti Pengurusan Aset Tak Alih	37
	JKR.PATA-3C Laporan Kedudukan, Kos dan Nilai Aset Tak Alih	38
	JKR.PATA-3D Laporan Status Penarafan Prestasi Aset Tak Alih	39
	JKR.PATA-3E Laporan Pencapaian Keberkesanan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)	40

B2 : ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS PENGURUSAN ASET TAK ALIH (ABM PATA)

1.0	Objektif	41
2.0	Skop	41
3.0	Prosedur Penyediaan Dan Pemantauan Anggaran Belanjawan Mengurus Pengurusan Aset Tak Alih	42
4.0	Lampiran	
	JKR.PATA-4A Format Anggaran Belanjawan Mengurus Pengurusan Aset Tak Alih (Premis)	46
	JKR.PATA-4B Format Anggaran Belanjawan Mengurus Pengurusan Aset Tak Alih (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/Agensi/ Kementerian)	48
	JKR.PATA-4C Format Peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus Pengurusan Aset Tak Alih (Premis)	49
	JKR.PATA-4D Format Peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus Pengurusan Aset Tak Alih (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	51

B3 : AUDIT DALAMAN

1.0	Objektif	52
2.0	Definisi	52
3.0	Skop	53
4.0	Prosedur Audit Dalaman	54
5.0	Lampiran	
	JKR.PATA-5A Jadual Audit Tahunan	55
	JKR.PATA-5B Laporan Ketidakpatuhan (NCR)	56
	JKR.PATA-5C Format Kandungan Laporan Audit Dalaman	57

BAB C – PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

C1 : PENERIMAAN ASET

1.0	Objektif	61
2.0	Definisi	61
3.0	Skop	61
4.0	Prosedur Penyediaan Dan Pemantauan Pelan Penerimaan Aset (PTRA)	63
5.0	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Penerimaan Aset	64
6.0	Lampiran	
	JKR.PATA.F6/1 Format Pelan Penerimaan Aset (PTRA)	65

JKR.PATA.F6/2	Senarai Semak Dokumen Penerimaan Aset	73
JKR.PATA.F6/3	Laporan Pemeriksaan Fizikal Aset	74
JKR.PATA.F6/4	Borang Laporan Kecacatan/ Kerosakan	75
JKR.PATA.F6/5	Sijil Perakuan Penerimaan Aset	76
JKR.PATA.F6/6	Laporan Penerimaan Aset (Mengikut Daerah)	77
JKR.PATA.F6/7	Laporan Penerimaan Aset (Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	78

C2 : DAFTAR PREMIS ASET

1.0	Objektif	79
2.0	Definisi	79
3.0	Skop	80
4.0	Prosedur Pendaftaran Premis Aset	81
5.0	Lampiran	
JKR.PATA.F6/8	Kad Pendaftaran Aset Tak Alih	83
JKR.PATA.F6/9	Surat Perakuan Pendaftaran Aset Tak Alih	85
JKR.PATA.F6/10	Laporan Pendaftaran Premis & Maklumat Aset (Daerah)	86
JKR.PATA.F6/11	Laporan Pendaftaran Premis & Maklumat Aset (Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	87

C3 : DAFTAR ASET KHUSUS

1.0	Objektif	88
2.0	Definisi	88
3.0	Skop	89
4.0	Prosedur Pendaftaran Aset Khusus	90
5.0	Lampiran	
JKR.PATA.F6/12	Laporan Daftar Aset Khusus	91

BAB D – OPERASI DAN PENYENGGARAAN ASET (OPA)

1.0	Objektif	103
2.0	Definisi	103
3.0	Skop	104
4.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan Pelan Operasi & Penyenggaraan Aset (POPA)	105

5.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Operasi & Penyenggaraan	106
5.1	Prosedur Kerja Pengurusan Aduan	107
5.2	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyenggaraan Secara Dalam – Secara Tenaga Jabatan	108
5.3	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyenggaraan Secara Dalam – Secara Lantikan Kontraktor	109
5.4	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyenggaraan Secara Luaran	110
5.5	Prosedur Kerja Perolehan Secara Kontrak	11
6.0	Lampiran	
	JKR.PATA.F7/1 Format Pelan Operasi & Penyenggaraan Aset dan Bajet Tahunan	113
	JKR.PATA.F7/2 Borang Aduan/ Permintaan Pelanggan	126
	JKR.PATA.F7/3 Daftar Aduan Pelanggan	127
	JKR.PATA.F7/4 Borang Arahan Siasatan & Penyenggaraan Pembaikan	128
	JKR.PATA.F7/5 Ringkasan Laporan Penyenggaraan Dan Perbelanjaan Aset Tak Alih (Premis)	129
	JKR.PATA.F7/6 Ringkasan Laporan Penyenggaraan Dan Perbelanjaan Aset Tak Alih (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	130

BAB E – PENILAIAN KEADAAN/ PRESTASI ASET

1.0	Objektif	133
2.0	Definisi	133
3.0	Skop	133
4.0	Prosedur Penyediaan Dan Pemantauan Pelan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset	135
5.0	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset	136
6.0	Lampiran	
	JKR.PATA.F8/1 Format Pelan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset (PNPA)	137
	JKR.PATA.F8/2 Format Laporan Pelaksanaan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset	147
	JKR.PATA.F8/3 Perakuan Penarafan Keadaan/ Prestasi Aset	152
	JKR.PATA.F8/4 Laporan Perakuan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset	153
	JKR.PATA.F8/5 Keputusan Pelaksanaan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset	154
	JKR.PATA.F8/6 Perakuan untuk Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan	155

JKR.PATA.F8/7	Laporan Pemeriksaan Dan Penarafan Aset Tak Alih (Premis)	157
JKR.PATA.F8/8	Laporan Pemeriksaan Dan Penarafan Aset Tak Alih (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	158

BAB F – PEMULIHAN/ UBAH SUAI/ NAIK TARAF ASET

1.0	Objektif	161
2.0	Definisi	161
3.0	Skop	161
4.0	Prosedur Penyediaan Dan Pemantauan Pelan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset (PPUN)	163
5.0	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset	164
6.0	Lampiran	
JKR.PATA.F9/1	Format Pelan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset (PPUN)	165
JKR.PATA.F9/2	Laporan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf (Premis)	174
JKR.PATA.F9/3	Laporan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	175

BAB G – PELUPUSAN ASET

1.0	Objektif	179
2.0	Definisi	179
3.0	Skop	180
4.0	Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan	182
5.0	Prosedur Penyediaan Dan Pemantauan Pelan Pelupusan Aset (PLA)	184
6.0	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Pelupusan Aset	185
6.1	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Pelupusan Aset (Kaedah Roboh/ Musnah Bagi Struktur Binaan)	186
6.2	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Pelupusan Aset (Kaedah Musnah/ Jualan/ Pindahan/ Hadiah Bagi Komponen Binaan/ Sisa Binaan)	187
7.0	Lampiran	
JKR.PATA.F10/1	Format Pelan Pelupusan Aset (PLA)	189
JKR.PATA.F10/2	Laporan Verifikasi dan Perakuan Pelupusan	197
JKR.PATA.F10/3	Senarai Semak Kecukupan Dokumen Pelupusan Aset	199
JKR.PATA.F10/4	Penentusahan Pelupusan Aset	200
JKR.PATA.F10/5	Format Laporan Pelupusan Aset (Premis)	201
JKR.PATA.F10/6	Format Laporan Pelupusan Aset (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	202

BAB H – KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET

1.0	Objektif	205
2.0	Definisi	205
3.0	Pelaksanaan	206
4.0	Kuasa Melulus	206
5.0	Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira	207
6.0	Proses Hapus Kira	208
7.0	Tindakan Kementerian/ Jabatan Selepas Kelulusan	210
8.0	Prosedur Pelaksanaan Dan Pelaporan Proses Hapus Kira	211
9.0	Lampiran	
	JKR.PATA.F11/1 Format Laporan Awal Kehilangan Aset	215
	JKR.PATA.F11/2 Surat Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan/ Hapus Kira)	220
	JKR.PATA.F11/3 Format Laporan Akhir Kehilangan Aset	221
	JKR.PATA.F11/4 Sijil Hapus Kira Aset	227
	JKR.PATA.F11/5 Format Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Aset (Premis)	228
	JKR.PATA.F11/6 Format Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Aset (Daerah/ Negeri/ Wilayah/ Jabatan/ Agensi/ Kementerian)	229

SENARAI RAJAH

Rajah 1.0	Struktur Dokumen Pengurusan Aset Kerajaan	4
Rajah 2.0	Perkaitan Pendekatan Pengurusan Aset Kerajaan	5
Rajah 3.0	Model PAM Aset Infrastruktur	6
Rajah 4.0	Pendekatan Pengurusan Bersepadu	7
Rajah 5.0	Aliran Proses Kerja PATA Kerajaan	8
Rajah 6.0	Struktur Tanggungjawab Pengurusan Aset Kerajaan	9
Rajah 7.0	Pembahagian Tanggungjawab dalam PATA	10
Rajah 8.0	Model Umum Struktur Organisasi Tadbir Urus PATA	11
Rajah 9.0	Hubung Kait Bidang Kompetensi dalam Pengurusan Aset	16

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Kerja Penggubal Tatacara

Pengurusan Aset Tak Alih yang terdiri daripada :

Advance Maintenance Precision Management (AMPM)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Indah Water Konsortium (IWK)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Jabatan Arkib Negara

Jabatan Audit Negara

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)

Jabatan Peguam Negara

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)

Jabatan Pengairan Saliran (JPS)

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)

Kementerian Belia dan Sukan

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Kementerian Kerja Raya

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Kementerian Pertahanan Malaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Sumber Manusia

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Pejabat Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri

Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kerja Raya

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)

Radicare Sdn. Bhd

Sinar Jernih Sdn Bhd

Sistem Hospital Awasan Taraf Sdn. Bhd (SIHAT)

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

UDA Dayaurus Sdn Bhd

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Universiti Malaya (UM)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Urus Setia


Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara, Cawangan Kejuruteraan Senggara

JKR Malaysia

SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanjawan Mengurus
ASL	<i>Agreed Service Levels (Tahap Perkhidmatan Dipersetujui)</i>
CSI	<i>Customer Satisfaction Index</i> (Indeks Kepuasan Pelanggan)
DAK	Daftar Aset Khusus
DPA	Daftar Premis Aset
DPAK	Dasar Pengurusan Aset Kerajaan
EPU	<i>Economic Planning Unit</i> (Unit Perancang Ekonomi)
GBI	<i>Green Building Index</i>
ICU	<i>Implementation Coordination Unit, Prime Minister's Department</i> (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri)
JKPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
KHA	Kitaran Hayat Aset (<i>Asset Life Cycle</i>)
KKH	Kos Kitaran Hayat
KOD DAK	Nombor Kod Daftar Aset Khusus
KPI	Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator</i>)
KPTG	Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
MKSP	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
MPAM	Manual Pengurusan Aset Menyeluruh
mySPATA	Sistem Pengurusan Aset Tak Alih
NCR	<i>Non Compliance Report</i> (Laporan Ketidakpatuhan)

No. DPA	Nombor Identifikasi Daftar Premis Aset
OPA	Operasi dan Penyenggaraan Aset
PAM	Pengurusan Aset Menyeluruh (<i>Total Asset Management</i>)
PATA	Pengurusan Aset Tak Alih
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDF	Pegawai Daftar & Data Fasiliti
PeDATA	Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih
PIF	Pegawai Inspektorat Fasiliti
PLA	Pelan Pelupusan Aset
PNPA	Pelan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset
POF	Pegawai Operasi Fasiliti
POPA	Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset
PPE	<i>Personal Protection Equipment</i>
PPM	<i>Planned Preventive Maintenance</i>
PPUN	Pelan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset
PSPA (Operasi)	Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)
PT	Pecahan Tanah
PTF	Pegawai Teknikal Fasiliti
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PTRA	Pelan Penerimaan Aset
PUN	Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf
SKATA	Sistem Kod Aset Tak Alih
SSI	<i>Staff Satisfaction Index</i> (Indeks Kepuasan Staf)
TPATA	Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih
TTK	Tempoh Tanggungan Kecacatan
UBBL	<i>Uniform Building by Law</i> (Undang-undang Kecil Bangunan Seragam)
UPF	Unit Pengurusan Fasiliti





PENDAHULUAN


TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

BAB A : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 **Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA)** ini menjelaskan secara terperinci proses operasi Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM).
- 1.2 **“aset tak alih”** bermaksud aset yang kekal dan tidak boleh dialih dari tempatnya iaitu tanah, infrastruktur dan bangunan. Bagi mengelakkan keraguan:
- (a) maksud aset tak alih secara terperinci adalah aset yang secara kekal/ tetap atau bersifat kekal/ tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan atau usaha untuk buka semula/ penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk aset tak alih warisan.
 - (b) tatacara pelaksanaan pengurusan aset tak alih ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan pekeliling yang berkaitan.
- 1.3 **“aset bangunan”** bermaksud sesuatu binaan bangunan dan semua komponen serta fasiliti berkaitan yang terdapat dalam sesuatu premis. Contoh aset bangunan ialah pejabat, perumahan pegawai, sekolah, hospital, rumah ibadat, dewan dan sebagainya.
- 1.4 **“aset infrastruktur”** bermaksud sesuatu binaan kemudahan asas yang membentuk sistem rangkaian bagi memberi perkhidmatan kepada komuniti. Contoh aset infrastruktur ialah jalan raya, jambatan, terowong, lapangan terbang, sistem telekomunikasi, saliran, pembetungan dan sebagainya.
- 1.5 **“aset tak alih warisan”** bermaksud mana-mana tapak atau tapak warisan sepertimana yang ditafsirkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] dan tatacara pengurusannya adalah tertakluk kepada peruntukan Akta yang sama.
- 1.6 Skop penggunaan Dokumen TPATA adalah meliputi keseluruhan aset tak alih Kerajaan.
- 1.7 Dokumen ini merupakan dokumen peringkat ketiga berdasarkan struktur dokumentasi pengurusan aset Kerajaan sebagaimana Rajah 1.0.




Rajah 1.0 : Struktur Dokumen Pengurusan Aset Kerajaan

1.8 TPATA di peringkat fasa penggunaan dan pelupusan ini meliputi;

- Bab A : Pendahuluan;
- Bab B : Perancangan Strategi Pengurusan Aset;
- Bab C : Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
- Bab D : Operasi dan Penyenggaraan Aset;
- Bab E : Penilaian Keadaan dan Prestasi Aset;
- Bab F : Pemulihan, Ubah Suai dan Naik Taraf Aset;
- Bab G : Pelupusan Aset; dan
- Bab H : Kehilangan dan Hapus Kira Aset.


2.0 KONSEP PENGURUSAN ASET TAK ALIH

2.1 Kaedah pengurusan dan penyenggaraan aset Kerajaan yang diamalkan oleh kebanyakan kementerian/ jabatan/ agensi sekarang lebih berbentuk penyenggaraan reaktif dan *ad hoc* tanpa perancangan sistematik dan strategik. Kerajaan memerlukan transformasi amalan pengurusan aset terbaik dan menyeluruh yang merangkumi konsep penyenggaraan pencegahan, pengurusan penyenggaraan komprehensif, pengurusan fasiliti bersepadu dan pengurusan aset menyeluruh sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 2.0.



Rajah 2.0 : Perkaitan Pendekatan Pengurusan Aset Kerajaan

- 2.2 Pengurusan aset menyeluruh berasaskan kepada kawalan proses terhadap keseluruhan fasa dalam kitaran hayat aset. Kitaran hayat aset tak alih secara umumnya mengandungi sepuluh (10) fasa sebagaimana Rajah 3.0.




Rajah 3.0 : Model PAM Aset Infrastruktur/ Bangunan

3.0 KERANGKA STRATEGIK PENGURUSAN ASET TAK ALIH

- 3.1 Kementerian/ jabatan/ agensi perlu menyediakan Pelan Tindakan Penyampaian Perkhidmatan bisnes teras berasaskan Pelan Korporat/ Strategi dengan mengambil kira keperluan aset dan bukan aset yang berdasarkan keperluan perkhidmatan, dasar Kerajaan dan pentadbiran masing-masing.
- 3.2 Kementerian/ jabatan/ agensi perlu menterjemahkan strategi dan belanjawan aset ke dalam Pelan Bisnes & Pelan Operasi Tahunan (antara lain seperti Perjanjian Program dan ABM Tahunan).
- 3.3 Laporan pencapaian penyampaian perkhidmatan (KPI) kementerian/ jabatan/ agensi dan aktiviti pengurusan aset (KPI Aset Tak Alih) akan memberi maklum balas penting dalam penambahbaikan berterusan dalam dasar Kerajaan dan perancangan kementerian/ jabatan/ agensi.

- 3.4 Perkaitan strategik dan pengurusan bersepadu antara Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) dengan Pelan Strategi kementerian/ jabatan/ agensi adalah sebagaimana Rajah 4.0.




Rajah 4.0: Pendekatan Pengurusan Bersepadu

4.0 PROSES KERJA PENGURUSAN ASET TAK ALIH


- 4.1 Aliran proses keseluruhan PATA adalah sebagaimana Rajah 5.0.

Rajah 5.0 : Aliran Proses Kerja PATA Kerajaan



5.0 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN ASET TAK ALIH

- 5.1 Pelaksanaan PATA memerlukan penyelarasan semua aktiviti pengurusan antara pemilik, pengurus dan pengendali aset sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 6.0.



Rajah 6.0 : Struktur Tanggungjawab Pengurusan Aset Kerajaan

- 5.2 Dalam pelaksanaan TPATA, Pegawai Pengawal (Pemilik Aset) setiap kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah mewujudkan **Unit Pengurusan Fasiliti (UPF)** sebagai Pengurus Aset dan membentuk pasukan kakitangan penyenggaraan dalaman atau pelantikan pihak luaran sebagai Pengendali Aset mengikut keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM).
- 5.3 Agensi Pusat Tadbir Urus DPAK & MPAM dalam pelaksanaan TPATA adalah Urus Setia JPAK (Jabatan Kerja Raya).
- 5.4 Pembahagian tanggungjawab dalam aktiviti PATA bagi setiap kementerian/ jabatan/ agensi adalah dijelaskan dalam Rajah 7.0.

Struktur	Tanggungjawab
Pemilik Aset (Pegawai Pengawal)	• Menentukan dasar pengurusan aset di peringkat kementerian/ jabatan/ agensi.
	• Menentukan hala tuju pengurusan aset yang strategik.
	• Merancang keperluan dan pewujudan aset.
	• Bertanggungjawab terhadap semua aktiviti pengurusan aset.
Pengurus Aset (Unit Pengurusan Fasiliti)	• Menentukan tahap perkhidmatan sesuatu aset.
	• Menyediakan kaedah pelaksanaan pengurusan aset.
	• Bertindak sebagai Wakil Pemilik Aset.
	• Membantu perancangan dan pewujudan aset.
	• Mengurus pendaftaran, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset.
	• Mengurus maklumat dan pelaporan pengurusan aset.
	• Mengawal selia Pengendali Aset.
Pengendali Aset (Pasukan Fasiliti Premis/ Kontraktor Fasiliti)	• Mengendalikan operasi dan penyenggaraan aset.
	• Memastikan tahap perkhidmatan aset dicapai.
	• Menilai keadaan dan prestasi semasa aset.
	• Membaik pulih dan menaik taraf aset.
	• Menyediakan dan mengemaskini maklumat aset.


Rajah 7.0 : Pembahagian Tanggungjawab Dalam PATA

5.5 Secara umumnya agensi Kerajaan dibahagikan kepada empat (4) kategori:

- a) Kementerian Kategori A - Kementerian yang memiliki premis aset di peringkat jabatan/ agensi, negeri dan daerah.
- b) Kementerian Kategori B - Kementerian yang memiliki premis aset di peringkat jabatan/ agensi dan negeri sahaja.
- c) Kementerian Kategori C - Kementerian yang memiliki premis aset di peringkat jabatan/ agensi sahaja.
- d) Kementerian Kategori D - Kementerian yang memiliki premis aset di peringkat kementerian dan ditadbir terus oleh kementerian sendiri.

5.6 Model Tipikal Struktur Tadbir Urus PATA adalah sebagaimana Rajah 8.0.

Rajah 8.0 : Model Umum Struktur Organisasi Tadbir Urus PATA



5.7 Berikut adalah peranan dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang terlibat dalam struktur organisasi PATA:

5.7.1 Pegawai Teknikal Fasilitas (PTF)

Peranan dan Tanggungjawab PTF adalah seperti berikut :

a) PTF di peringkat kementerian (PTF (Kem.))

- i) Mengetuai pasukan teknikal dalam pengurusan fasilitas dan penyenggaraan aset tak alih (bangunan & infrastruktur);
- ii) Mengawal dan memantau pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan;
- iii) Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur) kepada Pengerusi JKPAK (Fasilitas) dan Pegawai Pengawal di peringkat Kementerian;
- iv) Mengawal dan memantau keperluan sumber dan pembangunan kompetensi organisasi;
- v) Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF Kementerian, PIF Kementerian dan POF mengikut tatacara yang ditetapkan; dan
- vi) Menyelaraskan dan berkomunikasi dengan semua PTF di bawah jabatan/ agensi masing-masing.

b) PTF di peringkat jabatan/ agensi (PTF (Jab./ Agensi))

- i) Merancang dan mengurus pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan;
- ii) Menyediakan input teknikal dan profesional dalam pembangunan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) bagi memenuhi penyampaian perkhidmatan;
- iii) Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur) kepada Pengerusi JKPAK (Fasilitas) dan Pegawai Pengawal di peringkat jabatan/ agensi serta kepada PTF Kementerian;
- iv) Menetapkan piawaian, spesifikasi teknikal dan tahap perkhidmatan fasilitas/ aset tak alih (bangunan & infrastruktur);
- v) Mengurus keperluan sumber dan pembangunan kompetensi organisasi; dan
- vi) Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF Jabatan/ Agensi, PIF Jabatan/ Agensi dan POF mengikut tatacara yang ditetapkan.

(c) PTF di peringkat negeri dan daerah (PTF (Neg./Daerah))

- i) Melaksanakan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan;
- ii) Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat pengurusan dalam aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur) kepada PDF Jabatan/ Agensi;
- iii) Menyedia keperluan sumber dan pembangunan kompetensi organisasi; dan
- iv) Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF Negeri, PIF Negeri dan POF mengikut tatacara yang ditetapkan.

5.7.2 Pegawai Daftar Dan Data Fasiliti (PDF)

Peranan dan Tanggungjawab PDF adalah seperti berikut:

a) PDF di peringkat kementerian (PDF (Kem.))

- i) Mengawal dan memantau pelaksanaan pengurusan penerimaan dan daftar aset;
- ii) Memastikan kelancaran capaian terhadap aplikasi sistem PATA oleh semua pengguna; dan
- iii) Menguruskan penyediaan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset.

b) PDF di peringkat jabatan/ agensi (PDF (Jab./Agensi))

- i) Menguruskan pelaksanaan pengurusan penerimaan dan daftar aset;
- ii) Memastikan maklumat dan data daftar aset mematuhi tatacara dan aplikasi sistem PATA yang ditetapkan;
- iii) Menyelaras dan memastikan kelancaran capaian terhadap aplikasi sistem PATA oleh semua pengguna;
- iv) Memberi khidmat nasihat, latihan dan sokongan penggunaan aplikasi sistem PATA kepada semua pengguna; dan
- v) Menyemak dan mengemukakan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset kepada PDF Kementerian.

- c) PDF di peringkat negeri (PDF(Neg.))
- i) Melaksanakan pengurusan penerimaan dan daftar aset;
- ii) Mengemaskini maklumat dan data daftar aset berdasarkan tatacara dan aplikasi sistem PATA yang ditetapkan; dan
- iii) Menyediakan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset.

5.7.3 Pegawai Operasi Fasilitas (POF)

Peranan dan Tanggungjawab POF adalah seperti berikut :

- a) Melaksanakan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan;
- b) Menyedia dan mengemukakan pelan, bajet tahunan, laporan-laporan teknikal dan maklumat pengurusan dalam aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur – peringkat premis) kepada PTF Daerah; dan
- c) Menyediakan maklumat lengkap aset, memindahkan serta mengemaskini maklumat tersebut ke dalam pangkalan data.

5.7.4 Pegawai Inspektorat Fasilitas (PIF)

Peranan dan Tanggungjawab PIF adalah seperti berikut :

- a) PIF di peringkat kementerian (PIF (Kem.))
- i) Mengawal dan memantau aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasilitas yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM;
- ii) Mengawal dan memantau pelaksanaan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset;
- iii) Mengawal dan memantau pelaksanaan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur); dan
- iv) Menyemak dan mengemukakan laporan penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset kepada PTF Kementerian.

b) PIF di peringkat jabatan/ agensi (PIF(Jab./Agensi))

- i) Mengurus aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasiliti yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM;
- ii) Menyelaras dan menjalankan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset;
- iii) Memastikan pelaksanaan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) di premis berkaitan; dan
- iv) Menjalankan analisis dan perakuan berdasarkan laporan penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset untuk dikemukakan kepada PIF Kementerian.

c) PIF di peringkat negeri (PIF (Neg.))

- i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasiliti yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM;
- ii) Melaksanakan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset;
- iii) Melaksanakan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) di premis berkaitan;
- iv) Menjalankan kerja-kerja penyiasatan terhadap permasalahan teknikal (kerosakan, kehilangan/ hapus kira) yang berlaku di tapak bagi tujuan pelaporan dan pengesahan; dan
- v) Menyediakan pelaporan terhadap penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset.


6.0 KOMPETENSI PENGURUSAN ASET TAK ALIH

6.1 Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah memastikan semua pihak/ individu yang terlibat dalam tadbir urus PATA memiliki kelayakan dan kompetensi dalam bidang-bidang yang berkaitan.

6.2 Di antara bidang kompetensi yang diperlukan dalam Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) ialah:

- a) **Pengurusan Aset** antara lain merangkumi pengurusan fasiliti, pengurusan projek dan pengurusan penyenggaraan.
- b) **Pengurusan Am** antara lain merangkumi pengurusan organisasi, kewangan, sumber manusia, komunikasi, data dan prestasi.
- c) **Kepakaran Aset Khusus** antara lain merangkumi aset kejuruteraan dan fasiliti seperti sivil dan struktur, seni bina, perkhidmatan mekanikal, elektrik dan teknologi maklumat serta fasiliti lain yang berkaitan.

6.3 Hubungkait bidang kompetensi PATA adalah sebagaimana Rajah 9.0.



Rajah 9.0: Hubung Kait Bidang Kompetensi dalam Pengurusan Aset

7.0 AM

Istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam TPATA ini hanyalah bagi maksud PATA Kerajaan sahaja.



PERANCANGAN STRATEGI PENGURUSAN ASET

TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

BAB B : PERANCANGAN STRATEGI PENGURUSAN ASET

B1 : PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (OPERASI)

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Menyediakan perancangan strategik di peringkat penggunaan dan pelupusan aset supaya mencapai objektif organisasi;
- 1.2 Memastikan keberkesanan tadbir urus dalam pelaksanaan aktiviti PSPA (Operasi) mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- 1.3 Memastikan PATA dilaksanakan dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan.

2.0 DEFINISI

- 2.1 **“Agreed Service Level (ASL)”** – Tahap Perkhidmatan Yang Dipersetujui bagi sesuatu aset.
- 2.2 **“Key Performance Indicator (KPI)”**- Petunjuk Prestasi Utama dalam sesuatu proses berdasarkan penanda aras perkhidmatan yang ditentukan bagi mencapai objektif yang disasarkan.
- 2.3 **“Kos Modal Aset”** - Jumlah kos asal ketika pewujudan aset termasuk kos perolehan tanah atau/ dan kos pembinaan pada sesuatu premis, jika berkenaan.
- 2.4 **“Kos Operasi Aset”** - Jumlah kos operasi dan peyenggaraan sesuatu aset yang melibatkan kos pengurusan, kos utiliti, kos buruh, kos alat ganti dan lain-lain kos termasuk kos bagi aktiviti pemuliharaan/ ubah suai/ naik taraf yang berkaitan bagi sesuatu premis.
- 2.5 **“Nilaian Aset”** - Harga keseluruhan sesuatu aset mengikut pasaran semasa sebagaimana yang ditetapkan dalam amalan perkhidmatan penilaian harta yang merangkumi nilai tanah dan binaan bagi sesuatu premis.
- 2.6 **“Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)”** - Dokumen pernyataan yang menjelaskan objektif, polisi dan strategi setiap kementerian/ jabatan/ agensi dalam pelaksanaan PATA yang meliputi aktiviti fasa penggunaan dan fasa pelupusan.

- 2.7 **“Perancangan strategik”** – Proses merancang hala tuju dan tindakan dalam PATA (khusus untuk fasa penggunaan dan pelupusan) sesebuah agensi Kerajaan untuk mencapai objektif organisasi yang melibatkan tempoh masa antara tiga hingga lima tahun.
- 2.8 **“Tadbir urus”** – Kaedah mentadbir dan mengawal selia pelaksanaan amalan, proses kerja dan objektif yang ditetapkan dalam TPATA.

3.0 SKOP

- 3.1 Setiap kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah menyediakan PSPA (Operasi) yang melibatkan aset tak alih, di bawah tanggungjawab dan kawalan masing-masing.
- 3.2 Aktiviti PSPA (Operasi) merangkumi:-
- a) Penyediaan PSPA (Operasi);
 - b) Pemantauan pencapaian PSPA (Operasi); dan
 - c) Pengukuran dan kajian semula keberkesanan PSPA (Operasi).
- 3.3 PSPA (Operasi) meliputi keseluruhan aktiviti dalam fasa penggunaan dan fasa pelupusan.
- 3.4 PSPA (Operasi) perlu dikaji semula dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun atau mengikut keperluan jabatan.

4.0 PELAPORAN TADBIR URUS

- 4.1 Kementerian/ jabatan/ agensi bertanggungjawab untuk menyediakan laporan-laporan tadbir urus pengurusan aset tak alih sebagaimana berikut:-
- i) Laporan Kesediaan Sumber Pengurusan Aset Tak Alih (JKR.PATA-3A);
 - ii) Laporan Kemajuan Aktiviti Aset Tak Alih (JKR.PATA-3B);
 - iii) Laporan Kedudukan, Kos dan Nilai Aset Tak Alih (JKR.PATA-3C);
 - iv) Laporan Status Penarafan Prestasi Aset Tak Alih (JKR.PATA-3D); dan
 - v) Laporan Pencapaian Keberkesanan PSPA (Operasi) (JKR.PATA-3E).
- 4.2 Laporan JKR.PATA-3A, JKR.PATA-3B dan JKR.PATA-3C disediakan setiap sukuan tahun mengikut takwim untuk dibincangkan dalam Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) di peringkat kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing sebagaimana jadual berikut:-


Sukuan Tahun	Tarikh Penyerahan Laporan
Sukuan pertama	Sebelum/ pada 15 April
Sukuan kedua	Sebelum/ pada 15 Julai
Sukuan ketiga	Sebelum/ pada 15 Oktober
Sukuan keempat	Sebelum/ pada 15 Januari

- 4.3 Laporan JKR.PATA-3A, JKR.PATA-3B dan JKR.PATA-3C hendaklah dikemukakan setiap sukuan tahun kepada Urus Setia JPAK sebagaimana jadual berikut:-


Sukuan Tahun	Tarikh Penyerahan Laporan
Sukuan pertama	Sebelum/ pada 30 April
Sukuan kedua	Sebelum/ pada 30 Julai
Sukuan ketiga	Sebelum/ pada 30 Oktober
Sukuan keempat	Sebelum/ pada 30 Januari tahun berikutnya

- 4.4 Laporan JKR.PATA-3C disediakan setiap sukuan tahun dan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing dua (2) minggu sebelum Mesyuarat JPKA diadakan.
- 4.5 Laporan JKR.PATA-3D dan JKR.PATA-3E disediakan satu kali setahun untuk dibincangkan dalam Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Aset Tak Alih sebelum dikemukakan kepada Urus Setia JPAK sebelum/ pada 1 April pada tahun berikutnya.

5.0 PROSEDUR PENYEDIAAN DAN PEMANTAUAN PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (OPERASI)



JKR.PATA-1

FORMAT PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (PSPA) (OPERASI)**KERAJAAN MALAYSIA****PELAN STRATEGI PENGURUSAN ASET (PSPA) (OPERASI)****TEMPOH : _____ HINGGA : _____****KEMENTERIAN : _____****JABATAN/ AGENSI : _____****CONTOH**

Kandungan

- 1.0 Pendahuluan
- 2.0 Visi Pengurusan Aset Tak Alih
- 3.0 Misi Pengurusan Aset Tak Alih
- 4.0 Objektif Pengurusan Aset Tak Alih
- 5.0 Skop Kategori Dan Fungsi Aset
- 6.0 Penetapan Polisi Pengurusan Aset (Operasi) Serta Output
- 7.0 Strategi Pelaksanaan
- 8.0 Kajian Semula Pengurusan
- 9.0 Takwim Dan KPI Tadbir Urus TPATA
- 10.0 Penutup
- 11.0 Lampiran

CONTOH

1.0 PENDAHULUAN

Menerangkan secara umum fungsi dan organisasi kementerian/ jabatan/ agensi serta struktur PATA dalam organisasi.

2.0 VISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH

Menetapkan hala tuju, fokus dan sasaran kecemerlangan PATA kementerian/ jabatan/ agensi pada masa akan datang.

3.0 MISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH

Menetapkan tindakan - tindakan strategik untuk mencapai visi kementerian/ jabatan/ agensi.

4.0 OBJEKTIF PENGURUSAN ASET TAK ALIH

Menjelaskan matlamat aset mengikut keperluan dan kehendak kementerian/ jabatan/ agensi.

UKURAN	SASARAN

5.0 SKOP KATEGORI DAN FUNGSI ASET

NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	KATEGORI ASET	BIL. DPA	KATEGORI FUNGSI PREMIS/ JENIS LALUAN/ KATEGORI SALIRAN/ KUMP. LOJI	BIL. DPA
	Tanah			
	Bangunan			
	Jalan			
	Pembetulan			
	Saliran			
